UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

# HPW 102 - PEMIKIRAN KRITIS

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**<u>Arahan</u>:**

1. Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.

2. Bagi soalan-soalan di dalam Bahagian A calon-calon diperingatkan:

   I. Menjawab di atas kertas jawapan objektif yang disediakan.
   II. Gunakan hanya **PENSIL 2B** sahaja.
   III. Hitamkan ruang jawapan dengan betul/penuh (lihat contoh di bawah) dan,
   IV. Padamkan dengan betul jika anda hendak menukar jawapan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| A | | C | D | E |

3. **Pastikan anda telah menulis dan menghitamkan nombor angka giliran anda pada borang OMR dengan tepat sebelum diserahkan kepada Pengawas. Kesilapan dalam mengisi nombor angka giliran akan mengakibatkan anda mendapat markah '0' untuk Bahagian A.**
   **Markah '0' [untuk Bahagian A] ini akan dikekalkan walaupun pelajar membuat rayuan untuk menyemak semula kertas OMR.**

4. **Anda dilarang mengambil atau membawa keluar kertas soalan ini dari tempat peperiksaan. Kertas soalan ini akan dipungut dan dibilang apabila cukup waktunya.**

**BAHAGIAN A – [50%]**

**UNTUK MENJAWAB SOALAN 1 HINGGA 28, SILA TUMPUKAN PERHATIAN ANDA KEPADA PERNYATAAN-PERNYATAAN BERIKUT:**

I. Hanya orang yang berfikiran jelas akan mengajar kursus Pemikiran Kritis.

II. Tiada orang yang mengajar kursus Pemikiran Kritis yang tidak berfikiran jelas.

III. Beberapa orang yang mengajar kursus Pemikiran Kritis merupakan orang yang berfikiran jelas.

IV. Beberapa orang yang berfikiran jelas mengajar kursus Pemikiran Kritis.

V. Beberapa orang yang mengajar kursus Pemikiran Kritis tidak berfikiran jelas.

VI. Semua orang yang mengajar kursus Pemikiran Kritis tidak berfikiran jelas.

VII. Semua orang yang mengajar kursus Pemikiran Kritis ialah orang yang berfikiran jelas.

1. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

   A. II, III, IV dan VII.

   B. II, III, dan IV.

   C. II dan III.

   D. V dan VI.

   E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

2. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

   A. V dan VI.

   B. V, VI dan VII.

   C. V sahaja.

   D. VI sahaja.

   E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

3. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan II merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

   A. I, III, IV dan VII.

   B. I, III dan IV.

   C. III dan IV.

   D. V dan VI.

   E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

4. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan II merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

   A. V, VI dan VII.

   B. V dan VI.

   C. V sahaja.

   D. VI sahaja.

   E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

5. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRADIKSI dengan pernyataan I?

   A. II dan VII.

   B. V dan VI.

   C. III dan IV.

   D. V sahaja.

   E. Tiada pernyataan yang berkontradiksi dengan pernyataan I.

6. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRARI dengan pernyataan I?

   A. II dan VII.

   B. V dan VI.

   C. V sahaja.

   D. VI sahaja.

   E. Tiada pernyataan yang berkontrari dengan pernyataan I.

7. Pernyataan yang manakah yang DIIMPLIKASIKAN oleh pernyataan I?

   A. V dan VI.
   B. II dan VII.
   C. III dan IV.
   D. II, III, IV dan VII.
   E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan I.

8. Pernyataan yang manakah yang mempunyai MAKSUD SAMA dengan pernyataan I.

   A. III dan IV.
   B. II, III, IV dan VII.
   C. II dan VII.
   D. V dan VI.
   E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud sama dengan pernyataan I.

9. Pernyataan yang manakah yang BERSUBKONTRARI dengan pernyataan I?

   A. II dan VII.
   B. II, III, IV dan VII.
   C. III dan IV.
   D. V dan VI.
   E. Tiada pernyataan yang bersubkontrari dengan pernyataan I.

10. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. V sahaja.
    B. III, IV dan V.
    C. III dan IV.
    D. I, II, III IV dan VII.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

11. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. I, II dan VII.
    B. I, II, III, IV dan VII.
    C. III dan IV.
    D. V sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

12. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. VI sahaja.
    B. I, II, III, IV dan VII.
    C. III dan IV.
    D. VII sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

13. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. I, II, III, IV dan VII.
    B. I, II dan VII.
    C. III dan IV.
    D. VI sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

14. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRADIKSI dengan pernyataan V?

    A. I, II dan VII.
    B. I, II, III, IV dan VII.
    C. VI sahaja.
    D. III dan IV.
    E. Tiada pernyataan yang berkontradiksi dengan pernyataan V.

15. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRARI dengan pernyataan V?

    A. III dan IV.
    B. I, II dan VII.
    C. I, II, III, IV dan VII.
    D. VI sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang berkontrari dengan V.

16. Pernyataan yang manakah yang BERSUBKONTRARI dengan pernyataan V?

    A. VI sahaja.
    B. I, II, III, IV dan VII.
    C. I, II dan VII.
    D. III dan IV.
    E. Tiada pernyataan yang bersubkontrari dengan pernyataan V.

17. Pernyataan yang manakah yang DIIMPLIKASIKAN oleh pernyataan V?

    A. III dan IV.
    B. I, II, III, IV dan VII.
    C. I, II dan VII.
    D. VI sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan V.

18. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan III merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. I, II dan VII.
    B. V sahaja.
    C. VI sahaja.
    D. V dan VI.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

19. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan III merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. I, II, dan VI.

    B. I, II, IV dan VI.

    C. IV sahaja.

    D. V dan VI.

    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

20. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. I, II dan VII.

    B. III dan IV.

    C. I, II, III, IV dan VII.

    D. VI sahaja.

    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

21. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. VI sahaja.

    B. I, II dan VII.

    C. I, II, III, IV dan VII.

    D. I dan II.

    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

22. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan VII merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. I, II dan VII sahaja.

    B. III dan IV sahaja.

    C. I, II, III, IV dan VII.

    D. V dan VI.

    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

…8/-

23. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan VII merupakan suatu pernyataan yang BENAR?

    A. V dan VI.
    B. I, II dan VII.
    C. I, II, III, IV dan VII.
    D. VI sahaja.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

24. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan IV merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. V sahaja.
    B. VI sahaja.
    C. V dan VI.
    D. I, II dan VII.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.

25. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan IV merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?

    A. I, II, III dan VII.
    B. I, II dan VII.
    C. III sahaja.
    D. V dan VI.
    E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

26. Pernyataan yang manakah yang mempunyai MAKSUD SAMA dengan pernyataan VI?

    A. V sahaja.
    B. I, II dan VII.
    C. III dan IV.
    D. III, IV dan V.
    E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud sama dengan pernyataan VI.

…9/-

27. Pernyataan yang manakah yang DIIMPLIKASIKAN oleh pernyataan VI?

    A. V sahaja.
    B. I, II dan VII.
    C. III dan IV.
    D. III, IV dan V.
    E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan VI.

28. Pernyataan yang manakah yang mempunyai MAKSUD SAMA dengan pernyataan VII?

    A. I dan II.
    B. II sahaja.
    C. I sahaja.
    D. I, II, III dan IV.
    E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud sama dengan pernyataan VII.

29. Sila tumpukan perhatian anda kepada ayat-ayat berikut:

    I. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kedua-dua premisnya benar, maka kesimpulannya semestinya benar.

    II. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kedua-dua premisnya tidak benar, maka kesimpulannya semestinya tidak benar.

    III. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kesimpulannya benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mestilah benar.

    IV. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kesimpulannya tidak benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti tidak benar.

**Soalan**: Antara I hingga IV yang tersebut di atas, ayat (atau ayat-ayat) yang manakah yang semestinya benar?

A. I dan IV.

B. I sahaja.

C. III sahaja.

D. II dan IV.

E. IV sahaja.

30. Sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

I. Sebuah hujah bercorak silogisme yang VALID tidak akan mempunyai premis-premis yang benar dan kesimpulan yang tidak benar.

II. Sebuah hujah bercorak silogisme yang VALID tidak akan mempunyai premis-premis yang tidak benar dan kesimpulan yang benar.

III. Kalau sesuatu hujah bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mestilah benar.

IV. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya tidak benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti tidak benar.

**Soalan**: Antara I hingga IV yang tersebut di atas, ayat (atau ayat-ayat) yang manakah yang semestinya benar?

A. I sahaja.

B. I dan III.

C. II dan IV.

D. II sahaja.

E. III sahaja.

31. Sila tumpukan perhatian anda kepada hujah-hujah berikut:

    I. Gijsbert tentu merupakan seorang yang tidak bersikap berperikemanusiaan, kerana tiada orang Belanda yang bersikap berperikemanusiaan.

    II. Hingga sekarang setiap virus yang dikaji dan diuji adalah lebih kecil daripada 200 nanometer. Jadi, saya yakin bahawa virus yang dikaji pada masa depan juga merupakan makluk hidup yang lebih kecil daripada 200 nanometer.

    III. Setiap Monyet Belanda yang ditemui hingga sekarang merupakan binatang yang mempuyai kepala dan perut yang besar. Jadi, saya yakin bahawa semua Monyet Belanda di dalam dunia ini mempunyai kepala dan perut yang besar.

    IV. Tiada Monyet Belanda yang tidak mempunyai kepala dan perut yang besar. Jadi Koster harus mempunyai kepala dan perut yang besar.

**<u>Soalan</u>:** Apakah hujah (hujah-hujah) INDUKTIF yang tersebut di atas?

A. I dan III.

B. II dan III.

C. II dan IV.

D. II sahaja.

E. III sahaja.

32. Sila tumpukan perhatian anda kepada hujah-hujah berikut:

    I. Semua kertas litmus menjadi merah apabila dimasukkan ke dalam cecair asid; jadi kertas litmus yang akan dimasukkan ke dalam cecair asid minggu depan tentu menjadi merah.

    II. Semua kertas litmus akan menjadi merah apabila dimasukkan ke dalam cecair asid, kerana hingga sekarang masih tiada kertas litmus yang tidak menjadi merah apabila dimasukkan ke dalam cecair asid.

    III. Setiap burung gagak berwarna hitam; jadi burung gagak yang dipelihara oleh Beryl mesti juga berwarna hitam.

IV. Semua burung gagak yang ditemui hingga sekarang berwarna hitam; jadi burung gagak yang akan ditemui masa depan mesti juga berwarna hitam.

**<u>Soalan</u>:** Apakah hujah (hujah-hujah) INDUKTIF yang tersebut di atas?

A. II sahaja.

B. IV sahaja.

C. II dan IV.

D. II dan III.

E. III sahaja.

33. Pernyataan yang manakah yang berkontradiksi dengan “Hanya orang Belanda yang mempunyai perut besar”?

A. Semua orang Belanda mempunyai perut besar.

B. Semua orang yang mempunyai perut besar ialah orang Belanda.

C. Beberapa orang Belanda mempunyai perut besar.

D. Beberapa orang Belanda tidak mempunyai perut besar.

E. Beberapa orang yang mempunyai perut besar bukan orang Belanda.




34. Gambarajah Venn di atas mewakilil hujah berikut:

A. Beberapa bahan mentah dalam negara adalah untuk diekspot kerana tiada bahan mentah kegunaan tempatan diekspot.

B. Beberapa bahan mentah dalam negara bukan untuk kegunaan tempatan kerana ia adalah untuk diekspot.

C. Tiada bahan mentah untuk kegunaan tempatan adalah untuk diekspot kerana beberapa bahan mentah untuk diekspot merupakan bahan mentah dalam negara.

D. Beberapa bahan mentah dalam negara bukan untuk kegunaan tempatan kerana semua bahan mentah dalam negara adalah untuk diekspot.

E. Beberapa bahan mentah dalam negara bukan untuk kegunaan tempatan dan beberapa bahan mentah dalam negara adalah untuk diekspot.



35. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

    A. Beberapa sekolah rendah ialah institusi awam dan juga merupakan institusi yang sah.

    B. Kalau sesuatu institusi tidak sah, maka ia bukan institusi awam, dan beberapa sekolah rendah ialah institusi yang sah.

    C. Beberapa sekolah rendah ialah institusi awam kerana semua institusi awam ialah institusi yang sah.

    D. Tiada institusi awam yang bukan sah kerana beberapa sekolah rendah merupakan institusi awam.

    E. Beberapa institusi yang sah merupakan sekolah rendah kerana semua institusi awam adalah sah.




36. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

    A. Kalau lukisan itu dijual, maka ia tidak dipamerkan. Oleh itu, kalau lukisan itu dipamerkan, maka ia bukan lukisan Halim.

    B. Tiada lukisan Halim yang tidak dijual kerana tiada lukisan yang dipamerkan dijual.

    C. Kalau lukisan itu tidak dipamerkan, maka ia tidak dijual, dan hanya lukisan yang dijual merupakan lukisan Halim.

    D. Hanya lukisan Halim dijual, dan kalau lukisan itu dijual, maka ia tidak dipamerkan.

E. Hanya lukisan yang tidak dipamerkan merupakan lukisan yang dijual kerana hanya lukisan yang dijual merupakan lukisan Halim.




37. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

A. Kalau seseorang itu ialah peninju, maka dia ialah pengangkat berat, dan beberapa pensyarah bukan peninju.

B. Beberapa pensyarah bukan peninju kerana mereka bukan pengangkat berat.

C. Hanya peninju merupakan pengangkat berat. Oleh itu, beberapa pensyarah bukan pengangkat berat.

D. Kalau seseorang itu ialah pengangkat berat, maka dia ialah peninju, dan beberapa peninju bukan pensyarah.

E. Kalau seseorang itu ialah pengangkat berat, maka dia ialah peninju, dan beberapa pensyarah bukan pengangkat berat.



38. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

A. Kalau buku itu ialah buku kegemaran Wing Wah, maka ia merupakan buku akademik. Oleh itu, hanya buku yang bukan akademik yang merupakan buku terbitan *Tindakan*.

B. Semua buku terbitan *Tindakan* bukan buku akademik dan juga bukan buku kegemaran Wing Wah.

C. Hanya buku akademik merupakan buku kegemaran Wing Wah, dan tiada buku akademik yang diterbitkan oleh *Tindakan.*

D. Kalau buku itu ialah buku terbitan *Tindakan*, maka ia tidak merupakan buku kegemaran Wing Wah. Oleh itu, semua buku kegemaran Wing Wah ialah buku akademik.

E. Tiada buku terbitan *Tindakan* yang merupakan buku kegemaran Wing Wah kerana kalau buku itu bukan buku kegemaran Wing Wah, maka ia bukan buku akademik.




39. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

A. Beberapa mamalia merupakan binatang ternakan dia. Oleh itu, beberapa binatang ternakan dia bukan reptilia.

B. Beberapa binatang ternakan dia ialah mamalia. Oleh itu, beberapa reptilia bukan binatang ternakan dia.

C. Tiada reptilia merupakan mamalia dan beberapa binatang ternakan dia bukan reptilia.

D. Kalau binatang itu bukan seekor reptilia, maka ia adalah seekor mamalia, dan beberapa mamalia ialah binatang ternakan dia.

E. Hanya binatang yang bukan mamalia yang merupakan reptilia. Oleh itu, beberapa reptilia bukan binatang ternakan dia.

karya ilmu kemanusiaan



karya Kant

karya falsafah

40. Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

A. Kalau karya itu bukan karya falsafah, maka ia bukan karya Kant. Oleh itu, semua karya falsafah ialah karya ilmu kemanusiaan.

B. Hanya karya ilmu kemanusiaan merupakan karya Kant, dan hanya karya falsafah merupakan karya Kant.

C. Kalau karya itu bukan karya ilmu kemanusiaan, maka ia bukan karya falsafah, dan beberapa karya Kant ialah karya falsafah.

D. Kalau karya itu ialah karya Kant, maka ia adalah karya falsafah, dan hanya karya falsafah merupakan karya ilmu kemanusiaan.

E. Kalau karya itu bukan karya ilmu kemanusiaan, maka ia bukan karya Kant kerana kalau karya itu bukan karya ilmu kemanusiaan, maka ia bukan karya falsafah.

**<u>BAHAGIAN B</u> – [50%]**

(*) Untuk menjawab setiap soalan berikut sila,

I. beri struktur hujah (40%),

II. kenalpasti falasi yang terlibat dalam hujah (20%),

III. bincang secara ringkas falasi terlibat (40%).

41. Amerika Syarikat jauh lebih kaya daripada seluruh benua Afrika. John Matheson ialah seorang warganegara Amerika, manakala George Steinberg ialah warganegara sebuah negara kecil di benua Afrika. Jadi, John Matheson tentu jauh lebih kaya daripada George Steinberg.

42. Paul selalu memberitahu pelajar-pelajarnya untuk menahan daripada minum arak. Tetapi malam tadi Paul mabuk dalam pesta di rumah kawannya. Agak jelas kita tidak harus mengikut nasihat Paul.

43. Selepas Mary berkahwin dengan abang saya, adik saya mendapat gred yang tinggi dalam peperiksaan sekolah. Saya pula menerima biasiswa untuk masuk universiti tempatan; dan bapa saya mendapat kenaikan gaji. Agak jelas Mary membawa nasib baik kepada keluarga kami.

44. Sejak beribu-ribu tahun kita tidak dapat membuktikan dakwaan pakar astrologi. Oleh itu, astrologi mesti merupakan kepercayaan karut yang tidak benar.

45. Setiap bintang seperti matahari terdiri daripada atom-atom gas hidrogen. Setiap atom hidrogen itu tidak berwarna. Jadi, setiap bintang seperti matahari mesti juga tidak berwarna.

**- ooo0ooo -**